

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS HARGA PENGELOUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2024

### **Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.7 peratus pada Suku Tahun Kedua 2024**

**PUTRAJAYA, 6 Ogos 2024** – Satu laporan **INDEKS HARGA PENGELOUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEDUA 2024**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini. Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) meningkat perlahan 0.7 peratus pada suku tahun kedua 2024 berbanding 1.0 peratus pada suku tahun pertama 2024.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat 7.7 peratus berbanding 7.5 peratus pada suku tahun pertama 2024, disebabkan oleh Aktiviti Hiburan & Rekreasi Lain (2.3%). Indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman terus meningkat 2.4 peratus (ST1 2024: 2.5%) disumbangkan oleh Aktiviti Perkhidmatan Minuman (3.6%) dan Restoran dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (2.6%), berikutan peningkatan harga makanan. Sementara itu, indeks Pendidikan meningkat 0.8 peratus, sama seperti suku tahun sebelumnya disumbangkan oleh Pendidikan Menengah (2.2%). Aktiviti Hartanah juga dalam trend yang sama, meningkat 0.8 peratus berbanding 0.6 peratus pada suku tahun pertama 2024. Indeks Kesihatan dan Profesional pula masing-masing meningkat sebanyak 0.3 peratus dan 0.2 peratus.”

Beliau turut menambah, “Sebaliknya, indeks Pengangkutan menurun negatif 1.4 peratus, daripada tiada perubahan pada suku tahun sebelumnya disebabkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan Penumpang Udara (-5.9%). Penurunan ini dikesan sejak suku tahun keempat 2023. Selain itu, indeks Maklumat & Komunikasi menurun negatif 0.1 peratus

**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 6 Ogos 2024

daripada peningkatan 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh indeks Aktiviti Telekomunikasi Tanpa Wayar (-0.2%).”

Beliau mengulas lanjut, “Perbandingan suku tahunan, IHPRP menurun negatif 0.1 peratus berbanding peningkatan 0.3 peratus pada suku tahun pertama 2024. Penurunan kali pertama sejak suku tahun keempat 2020 semasa pandemik COVID-19. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan yang mencatatkan penurunan negatif 2.0 peratus (ST1 2024: 0.7%), disebabkan oleh Pengangkutan Penumpang Udara (-6.8%). Indeks Maklumat & Komunikasi juga menurun negatif 0.2 peratus, daripada peningkatan 0.1 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh Aktiviti Telekomunikasi Tanpa Wayar (-0.2%). Walau bagaimanapun, indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat dengan lebih laju 4.0 peratus berbanding 0.2 peratus pada suku tahun pertama 2024. Selain itu, indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman meningkat perlahan 0.6 peratus, diikuti oleh indeks Pendidikan (0.3%) dan Aktiviti Hartanah (0.2%). Sementara itu, indeks Kesihatan dan Profesional masing-masing merekodkan peningkatan perlahan sebanyak 0.1 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Kedua 2024**

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST2 2023	ST1 2024	ST2 2024	ST2 2024/ ST1 2024	ST2 2024/ ST2 2023
<b>JUMLAH</b>	<b>114.9</b>	<b>115.8</b>	<b>115.7</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.7</b>
Pengangkutan	110.5	111.2	109.0	-2.0	-1.4
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	150.7	153.4	154.3	0.6	2.4
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.2	101.0	-0.2	-0.1
Aktiviti Hartanah	126.9	127.7	127.9	0.2	0.8
Profesional	104.5	104.6	104.7	0.1	0.2
Pendidikan	118.0	118.7	119.0	0.3	0.8
Kesihatan	107.8	108.0	108.1	0.1	0.3
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	105.1	108.8	113.2	4.0	7.7

**Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2021 – ST2 2024**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
6 OGOS 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514, Federal Territory Putrajaya  
Telephone no. : 03 - 8090 4681

## SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA SECOND QUARTER 2024

### ***The Services Producer Price Index increased 0.7 per cent in the Second Quarter of 2024***

**PUTRAJAYA, August 6<sup>th</sup>, 2024** – A report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), SECOND QUARTER 2024**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector, was released today by the Department of Statistics Malaysia. The Services Producer Price Index (SPPI) increased marginally by 0.7 per cent in the second quarter of 2024 as compared to 1.0 per cent in the first quarter of 2024.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained in the statement that, “The Arts, Entertainment & Recreation index rose 7.7 per cent as against 7.5 per cent in the first quarter of 2024 contributed by the Other Amusement & Recreation Activities (2.3%). The index of Accommodation and Food & Beverage Service Activities continued to increase by 2.4 per cent (Q1 2024: 2.5%) attributed to Beverage Service Activities (3.6%) and Restaurants & Mobile Food Service Activities (2.6%), following an incline in food prices. Meanwhile, the Education subsector inched up 0.8 per cent, similar to the previous quarter, contributed by Secondary Education (2.2%). Real Estate Activities was also on a similar trend, increasing by 0.8 per cent as compared to 0.6 per cent in the first quarter of 2024. In the meantime, Health and Professional indices went up by 0.3 per cent and 0.2 per cent, respectively.”

He also added that, “Conversely, the Transport index shrank by negative 1.4 per cent, after recording no changes in the previous quarter, particularly due to the Passenger Air Transport index (-5.9%). The downturn has been seen since the fourth quarter of 2023. Apart from that, the Information & Communication index decreased by negative 0.1 per cent

**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 6<sup>th</sup> August 2024

from an increase of 0.1 per cent in the previous quarter due to Wireless Telecommunication Activities (-0.2%).”

He further elaborated that, “On a quarter-on-quarter basis comparison, SPPI contracted by negative 0.1 per cent, after an increase of 0.3 per cent in the first quarter of 2024. This was the first decline since the fourth quarter of 2020 during the COVID-19 pandemic. The decline was mainly due to the Transportation index, which recorded a negative 2.0 per cent (Q1 2024: 0.7%) attributed to Passenger Air Transport (-6.8%). The Information & Communication index was also down by negative 0.2 per cent, from an increase of 0.1 per cent in the previous quarter, owing to Wireless Telecommunication Activities (-0.2%). On the other hand, the Arts, Entertainment & Recreation index increased at a faster rate of 4.0 per cent as compared to 0.2 per cent in the first quarter of 2024. In addition, the Accommodation and Food & Beverage Service Activities index went up slightly by 0.6 per cent, followed by Education (0.3%) and Real Estate Activities (0.2%) indices. Meanwhile, both Health and Professional indices recorded slight increases of 0.1 per cent, respectively.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Table 1: Services Producer Price Index, Second Quarter of 2024**

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q2 2023	Q1 2024	Q2 2024	Q2 2024/ Q1 2024	Q2 2024/ Q2 2023
<b>TOTAL</b>	<b>114.9</b>	<b>115.8</b>	<b>115.7</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.7</b>
Transportation	110.5	111.2	109.0	-2.0	-1.4
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	150.7	153.4	154.3	0.6	2.4
Information & Communication	101.1	101.2	101.0	-0.2	-0.1
Real Estate Activities	126.9	127.7	127.9	0.2	0.8
Professional	104.5	104.6	104.7	0.1	0.2
Education	118.0	118.7	119.0	0.3	0.8
Health	107.8	108.0	108.1	0.1	0.3
Arts, Entertainment & Recreation	105.1	108.8	113.2	4.0	7.7

**Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2021 – Q2 2024**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
6<sup>th</sup> AUGUST 2024**